

Ahli perniagaan penuh kontroversi main peranan di sebalik tabir

# Hubungan rapat Jho Low, 1MDB

**KUALA LUMPUR** – Ahli perniagaan kontroversi Low Taek Jho atau Jho Low mempunyai hubungan yang rapat dengan syarikat pelaburan strategik negara (Malaysia Development Bhd. (IMDB) sejak 2009 lagi.

Pensyarah Pusat Penyelidikan Politik dan Keselamatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Abdul Muein Abadi berkata, hubungan Jho Low dengan IMDB bermula ketika beliau dilantik sebagai penasihat syarikat Terengganu Investment Authority (TIA).

Beliau berkata, TIA merupakan syarikat pelaburan strategik milik kerajaan negeri Terengganu sebelum ia dinamakan sebagai IMDB di bawah kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak ketika menjadi Perdana Menteri pada tahun 2009.

"Bukan kebetulan Jho Low memainkan peranan penting dalam penubuhan syarikat asal IMDB pada 2009 iaitu TIA.

"Meskipun Jho Low tidak lagi memegang posisi rasmi dalam IMDB, beliau dipercayai memainkan peranan besar di balik tabir. Bermodalkan RMI juta dan jaminan kerajaan, IMDB telah 'berjaya' menghimpunkan banyak aset dan hutang dalam masa yang sama.

"Kebanyakan perolehan aset ini boleh dikenal pasti sebagai berhubung kait dengan Jho Low di mana bukti jelas menunjukkan hubungan rapat beliau dengan Najib dan juga usahawan Arab," katanya



JHO LOW (kanan) bergambar bersama Riza (kiri) dan produser filem Amerika Syarikat (AS), Joey McFarland ketika menghadiri tayangan filem *The Wolf of Wall Street* di Ziegfeld Theatre, New York, AS pada 17 Disember 2013.

melalui kenyataan yang dimuat naik dalam laman Facebook baru-baru ini.

Menurut Abdul Muein, rakyat Malaysia perlu mengetahui bahawa Jho Low bukan sehari dua mengenali Najib sebaliknya sudah bertahun-tahun melalui persahabatan dengan Riza Aziz iaitu anak tiri bekas Perdana Menteri itu.

"Mereka (Jho Low dan Riza) mengenali antara satu sama lain ketika sama-sama menuntut di luar negara (United Kingdom)," ujarnya.

Tambah Abdul Muein, hubungan Jho Low dengan IMDB sangat berhubung kait apabila hubungan rapat beliau dengan Najib dibuktikan menerusi



ABDUL MUEIN

gambar bersama di atas kapal mewah dengan usahawan Arab dan Putera Arab Saudi.

Dalam pada itu, Laporan Audit IMDB oleh Jabatan Au-

dit Negara menyatakan kedudukan baki pinjaman dan luar negara IMDB sehingga kewangan bagi tahun berakhir 31 Mac 2014 berjumlah RM33.71 bilion tidak termasuk *inherited loans*.

Laporan yang disiarkan kepada umum pada 15 Mei lalu menjelaskan IMDB turut mengambil alih 11 *inherited loans* sedia ada berjumlah RM8.15 bilion sekali gus menjadikan kedudukan baki pinjaman sehingga tahun kewangan

berakhir 31 Mac 2014 adalah RM41.86 bilion.

Menurut laporan audit berkenaan, sehingga 31 Oktober 2015, baki prinsipal pinjaman Kumpulan IMDB berjumlah RM55 bilion berbanding aset berjumlah RM58.60 bilion.

Sejumlah RM20.31 bilion daripada pinjaman dan pembiayaan tersebut mendapat jaminan dan bantuan kerajaan Persekutuan.

Berasaskan andaian pelan rasionalisasi dilaksanakan dan tiada pinjaman baharu dibuat selepas bulan Oktober 2015, dianggarkan sejumlah RM42.26 bilion diperlukan bagi membayar kos prinsipal dan faedah pinjaman yang matang antara bulan November 2015 hingga bulan Mei 2039.

Kata laporan audit itu, IMDB perlu menyediakan dana yang besar untuk melunaskan bayaran komitmennya yang tinggi pada tahun 2016 sejumlah RM4.88 bilion pada tahun 2023 (RM14.74 bilion) dan pada tahun 2039 sejumlah RM5.14 bilion.

"IMDB juga memerlukan dana sekurang-kurangnya RMI.52 bilion setiap tahun dari bulan November 2015 hingga Mei 2024 untuk membayar balik pinjaman baki pinjaman," kata laporan berkenaan.

Berdasarkan laporan audit tersebut, secara keseluruhannya, aspek berkaitan tadbir urus korporat dan kawalan dalaman Kumpulan IMDB adalah kurang memuaskan.

INFO

Individu dikaitkan dengan skandal 1MDB



DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK

- Bekas Perdana Menteri
- Bekas Pengerusi Lembaga Penasihat IMDB



DATIN SERI ROSMAH MANSOR

- Isteri bekas Perdana Menteri
- Turut disiasat susulan rampasan barangan mewah di kediaman Najib yang dikaitkan dengan IMDB



ARULKANDA KANDASAMY

- Bekas Ketua Pegawai Eksekutif IMDB



DATUK SHAHROL AZRAL IBRAHIM HALIM

- Bekas Ketua Pegawai Eksekutif IMDB



TAN SRI ISMEE ISMAIL

- Bekas Pengarah IMDB



NIK FAIZAL ARIFF KAMIL

- Bekas Pengarah Urusan SRC International Sdn. Bhd.